

Polemik Kandungan Buku Teks Sejarah KSSM Tingkatan Empat

Polemic On The Contents Of KSSM Form 4 History Textbook

Siti Norba'ayah Binti Ayup* & Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia

*Corresponding Author: snayupsmkis@gmail.com

Abstrak

Artikel ini menganalisis kandungan buku teks KSSM Sejarah tingkatan 4 antara tahun 2018 hingga 2021. Tumpuan diberikan terhadap polemik perdebatan tentang kandungan buku teks Sejarah tingkatan 4 yang dipecahkan kepada tiga isu utama iaitu isu berkaitan dengan fakta sejarah, kedua berkaitan dengan isu perundangan dan ketiga berkaitan dengan persoalan golongan kanan sahaja yang memperjuangkan kemerdekaan, manakala golongan kiri tidak dianggap sebagai pejuang kemerdekaan. Secara langsung, objektif utama artikel ini menganalisis isu yang berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah. Sebagai sebuah kajian sejarah, kajian ini dilakukan dengan penggunaan pelbagai sumber sama ada sumber primer atau sekunder. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Kajian dijalankan dengan mengguna kaedah kajian sejarah yang menumpukan sumber primer diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia antaranya fail dalam sumber Kementerian Pendidikan Malaysia, Parlimen Malaysia iaitu daripada sumber Dewan Rakyat. Manakala sumber sekunder yang diperoleh daripada jurnal, buku dan artikel yang berkaitan dengan polemik kandungan buku teks Sejarah. Hasil kajian mendapati kandungan buku teks Sejarah Tingkatan 4 dengan merujuk kandungan kurikulum Sejarah yang disemak dan diperakui oleh pakar rujuk kurikulum Sejarah pada April 2018. Penerbitan kandungan buku teks KSSM Sejarah Tingkatan 4 adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM Sejarah Tingkatan 4 serta mengikut prosedur operasi standard penerbitan buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dikemas kini pada tahun 2018.

Kata kunci: Buku Teks Sejarah Tingkatan 4, KSSM, Komunis, Polemik, DSKP

Abstract

This article analyses the contents of the KSSM history Level 4 textbook between 2018 and 2021. The focus is on the polemics on the contents of the Form 4 history textbook, which are broken down into three main issues, namely issues relating to historical facts, the second is related to legal issues, and the third is on the question of how only the right-wing fought for independence, while the left-wing were considered freedom fighters. Directly, the main objective of this article is to analyse issues relating to historical subjects. As a historical study, this study is carried out with the use of various primary and secondary sources. This

study was carried out using qualitative research method. The study was conducted using historical research methods that focus on primary sources obtained from the National Archives of Malaysia, including files in the Ministry of Education of Malaysia, Parliament of Malaysia, namely from the House of Representatives. Secondary sources were derived from journals, books and articles related to the polemic of the contents of history textbooks. The results of the study found that the contents of the Form 4 history textbook with reference to the contents of the history curriculum were reviewed and certified by a history curriculum reference expert in April 2018. The publication of the KSSM History Form 4 textbook contents was based on the KSSM History Form 4 curriculum and Assessment Standards (DSKP) and in accordance with the Ministry of Education (MOE) textbook publication standard operating procedures which were updated in 2018.

Keywords: *History Textbook Form 4, KSSM, Communist, Polemic, DSKP*

PENGENALAN

Kurikulum Sejarah (KS) merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah menengah selama lima tahun. Mata pelajaran ini bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat kesetiaan kepada negara dan bangsa. Bersesuaian dengan demografi negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum, pendidikan Sejarah di Malaysia juga bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan rasa cinta pada bangsa dan negara.¹ Objektifnya ialah supaya pelajar memiliki pengetahuan berkaitan perkembangan pembinaan negara bangsa, perpaduan kaum dan memahami peristiwa bersejarah daripada perspektif yang tepat serta berimajinasi dan berfikir untuk mendapatkan kebenaran serta mengetahui latar belakang sesuatu kejadian.²

Perbincangan terhadap polemik kandungan buku teks KSSM Sejarah tingkatan 4 yang diguna pakai pada tahun 2020. Ini termasuklah apabila perkara ini membabitkan bidang pendidikan. Polemik kandungan buku teks Sejarah kerap dibincangkan dalam pelbagai media sejak awal penerbitan buku teks Sejarah KSSM yang merupakan kurikulum baharu yang bermula semenjak tahun 2017. Buku teks Sejarah KSSM yang diguna pakai pada tahun 2020 untuk pelajar tingkatan empat. Secara umumnya, tujuan matapelajaran Sejarah untuk memupuk dan memperkukuh semangat kesetiaan kepada negara dan bangsa. Bersesuaian dengan demografi negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum, pendidikan Sejarah di Malaysia juga bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan rasa cinta pada bangsa dan negara.³ Objektifnya ialah supaya pelajar memiliki pengetahuan berkaitan perkembangan pembinaan negara bangsa, perpaduan kaum dan memahami peristiwa bersejarah daripada perspektif yang tepat serta berimajinasi dan berfikir untuk mendapatkan kebenaran serta mengetahui latar belakang sesuatu kejadian.⁴

Selain itu, perkara yang membabitkan pendidikan termasuk fakta sejarah perlu dilihat secara ilmiah dan intelektual dengan mengambil kira fakta yang benar dan tepat, bukan terarah kepada sentimen mainan politik. Hal ini merujuk kepada Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara⁵ yang berfungsi meneliti, menyiasat dan melaporkan perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja termasuk cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat dan keadaan isu-isu semasa di Malaysia.⁶ Polemik ini menyatakan bahawa gerakan komunis dimasukkan ke dalam buku teks Sejarah Tingkatan 4 sebagai pejuang kemerdekaan. Selain itu, kandungan buku teks itu juga didakwa mengangkat tokoh gerakan kiri nasionalisme Melayu sebagai golongan radikal dan mengiktiraf sumbangan mereka dalam perjuangan kemerdekaan. Perbincangan tentang kurikulum Sejarah diteruskan dalam pelbagai persidangan akademik yang memberi tumpuan

terhadap isu kandungan buku teks tingkatan 4 iaitu sub topik Bab 6, Ancaman Komunis dan Pengisytiharan Darurat Sebelum Perang Dunia Kedua.

LATAR POLEMIK KURIKULUM SEJARAH TINGKATAN 4

Isu mengenai kandungan buku teks Sejarah menjadi topik perdebatan apabila ada perbincangan menyatakan bahawa kandungannya tidak seimbang dalam menyampaikan fakta sejarah, khususnya dalam mempersembahkan peranan tokoh-tokoh tertentu dalam sejarah negara. Perbincangan ini dibangkitkan oleh Ketua Pemuda UMNO, dan sekretariat NGO yang menyatakan bahawa terdapat kekurangan dalam pengiktirafan sumbangan tokoh-tokoh penting dalam sejarah kemerdekaan Malaysia.⁷ Isu ini dibawa ke perhatian Dewan Negara, yang menunjukkan tahap kepentingannya sebagai satu isu yang berkait rapat dengan pendidikan Sejarah dan naratif nasional.

Antara perbincangan utama yang diketengahkan adalah mengenai dakwaan ketidakseimbangan dalam kandungan buku teks Sejarah yang digunakan di sekolah. Kandungan tersebut didakwa gagal memberikan penghargaan yang sewajarnya kepada beberapa orang tokoh penting dalam perjuangan kemerdekaan negara, yang dianggap sebagai elemen penting dalam Sejarah Malaysia. Menurut Ketua Pemuda UMNO, Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, kekurangan ini berpotensi mempengaruhi persepsi pelajar terhadap Sejarah negara mereka, serta boleh mengakibatkan pemahaman yang tidak lengkap.⁸

Susulan daripada perbincangan yang dibangkitkan, Dewan Negara yang di Pengerusi Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara, Senator Datuk Razali Idris, mengambil langkah proaktif dengan memutuskan untuk memanggil Kementerian Pendidikan (KPM), dua bekas menteri pendidikan dan Ketua Pemuda Umno Asyraf Wajdi Dusuki. Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee bin Malik turut dijemput bagi memberikan penjelasan lanjut mengenai perkara ini.⁹ Tindakan ini mencerminkan keperluan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam daripada pihak KPM, yang bertanggungjawab terhadap penyusunan dan penerbitan buku teks Sejarah. Langkah ini juga menunjukkan komitmen Dewan Negara dalam memastikan kandungan pendidikan yang disampaikan kepada pelajar adalah tepat, seimbang, dan tidak mengabaikan mana-mana pihak dalam sejarah negara.¹⁰

Isu ini menggariskan kepentingan penyediaan buku teks Sejarah yang seimbang bagi memastikan generasi muda mendapat gambaran yang menyeluruh dan tepat mengenai Sejarah Malaysia. Penyampaian fakta sejarah yang seimbang adalah penting dalam pembentukan identiti nasional, di mana pelajar harus memahami sumbangan pelbagai pihak dalam perjuangan membentuk negara. Kandungan Sejarah yang tidak seimbang boleh menjejaskan pemahaman pelajar terhadap sejarah negara dan berpotensi untuk mencipta persepsi yang kurang tepat tentang peristiwa bersejarah yang penting.

Secara implisit, isu ini juga menunjukkan keperluan untuk mengkaji semula kandungan buku teks Sejarah bagi memastikan ia lebih mencerminkan sumbangan pelbagai pihak dalam Sejarah Malaysia. Cadangan ini boleh dilaksanakan melalui dialog terbuka antara pihak KPM, ahli akademik, dan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan buku teks yang diterbitkan dapat memenuhi keperluan pendidikan negara. Penambahbaikan dalam kandungan buku teks adalah penting untuk memastikan pelajar memperoleh pengetahuan Sejarah yang lebih adil dan menyeluruh, selari dengan matlamat pendidikan nasional.¹¹

Selanjutnya menjawab kepada isu yang dinyatakan di atas satu persidangan mesyuarat kedua pada penggal pertama, parlimen keempat belas dijawab oleh Menteri Pendidikan iaitu Dr Maszlee bin Malik menurut jawapan beliau menyatakan bahawa proses penggubalan kurikulum Sejarah melalui penentuan yang ketat oleh panel pakar rujuk kurikulum dan buku teks Sejarah yang dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Proses penggubalan kurikulum Sejarah dan buku teks Sejarah mengambil masa selama empat tahun dengan

melalui bengkel, dan mesyuarat penggubalan kurikulum yang merangkumi aspek pemetaan, penggubalan, pemantapan, penambahbaikan dan pemurnian. Proses ini bagi mengenal pasti *needs analysis* bersandarkan perkongsian idea, penggumpalan maklumat, pandangan tanpa memutarbelitkan fakta sejarah itu sendiri. KS yang selesai digubal sekali lagi melalui prosiding pembentangan, penyemakan, penilaian dan seterusnya disahkan oleh panel rujuk kurikulum Sejarah dan buku teks Sejarah. Jawapan ini menjelaskan bahawa isu berkaitan proses penerbitan buku teks Sejarah berpotensi memberi impak terhadap sistem pendidikan Malaysia. Justeru itu, perlu diberi perhatian dan diurus dengan baik serta teratur agar tidak menjejaskan keharmonian masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.¹²

Seterusnya, isu merujuk kepada "Polemik Isu Komunis dalam Buku Teks Sejarah" oleh Saluran IQ, ini kerana saluran IQ menyediakan platform yang terbuka untuk pelbagai pandangan dan perspektif, termasuk daripada ahli akademik, pakar Sejarah, dan pihak yang terlibat secara langsung dalam penggubalan kurikulum Sejarah. Ini membolehkan perbincangan yang lebih menyeluruh dan seimbang, di mana semua pihak dapat menyuarakan pendapat dan kebimbangan mereka yang disiarkan secara langsung pada 6 Mac 2021,¹³ yang membincangkan isu tentang bagaimana komunis digambarkan dalam buku teks Sejarah Malaysia. Antara intipati isi kandungan perbincangan dalam sesi tersebut menyoroti kebimbangan terhadap cara Parti Komunis Malaya (PKM) dipersembahkan dalam buku teks Sejarah sekolah. Pengkritik berpendapat bahawa terdapat aspek tertentu yang mungkin mengagungkan atau membenarkan tindakan gerakan komunis, yang boleh mempengaruhi persepsi pelajar.

.Hal ini kerana ia membincangkan latar belakang Sejarah PKM dan aktiviti mereka di Tanah Melayu, termasuk peranan mereka semasa pendudukan Jepun dan perjuangan pasca Perang Dunia Kedua menentang penjajahan British.

Perbincangan ini bertujuan untuk menjelaskan sama ada kandungan tersebut tepat atau berat sebelah. Keadaan ini menimbulkan pelbagai perspektif antaranya para peserta sesi langsung ini mengemukakan pelbagai pandangan, ada yang menekankan kepentingan ketepatan sejarah dan ada yang menekankan perlunya naratif seimbang yang tidak mengagungkan komunis. Mereka membincangkan keperluan untuk mengakui perjuangan PKM melawan kuasa kolonial serta aspek keganasan gerakan mereka. Hal ini akan memberi kesan kepada pelajar kerana sebahagian besar perbincangan memberi tumpuan kepada bagaimana kandungan ini boleh membentuk pemahaman pelajar terhadap Sejarah Malaysia. Hal ini menyebabkan para pendidik dan ahli sejarah memberi pandangan tentang kepentingan penyampaian yang seimbang yang mendorong pemikiran kritis dan tidak hanya menekankan satu sisi naratif.

Seterusnya, mereka bersidang selama dua hari bagi membincangkan perkara tersebut.¹⁴ Menurut pandangan Sahul Hamid,¹⁵ buku teks kali ini menampilkan semua pejuang kemerdekaan sejak sebelum penubuhan UMNO pada Mei 1946 lagi kerana pihak terbabit memang wujud dalam lipatan sejarah perjuangan kemerdekaan termasuk golongan kiri yang disentuh dalam dua bab dalam buku itu. Malah ada satu bab yang khusus menyentuh tentang ancaman komunis dan pengisytiharan darurat iaitu bab keenam. Bab 6 menceritakan keganasan dan ancaman komunis, manakala halaman 152 dalam buku itu menceritakan usaha pasukan bersenjata Malaysia menangani ancaman tersebut. Buku itu disusun sebegitu bagi menerapkan kesedaran dalam kalangan pelajar bahawa ideologi komunisme tidak harus diterima dan tidak boleh berkembang di Malaysia. Menurut beliau sekiranya dibaca dengan tenang dan tanpa emosi kepartian, buku teks itu sebenarnya tidak mempunyai sebarang masalah dari segi fakta. Beliau menyimpulkan bahawa kandungan sukatan KSSM Sejarah dari tingkatan satu hingga lima adalah bertema dan mengikut kronologi bermula dari zaman awal kerajaan Melayu lama, tamadun awal, perjuangan

kemerdekaan, ancaman komunis, pembentukan Malaysia hingga Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 pada tahun 2018.

Perbincangan tersebut dibuat untuk menyelesaikan polemik mengenai kandungan komunis dalam buku teks Sejarah, beberapa nilai penting boleh diterapkan antaranya ada dengan ketepatan sejarah iaitu fakta sejarah yang disampaikan perlu tepat dan bersumberkan bahan yang sahih. Ini penting supaya pelajar memahami peristiwa bersejarah tanpa berat sebelah atau tambahan maklumat yang tidak tepat. Selain itu, adalah mengenai keseimbangan dari segi penceritaan sejarah perlu mengandungi pandangan seimbang, termasuk aspek positif dan negatif tentang peranan Parti Komunis Malaya (PKM). Ini akan memberi pendekatan dengan membantu pelajar melihat pelbagai sudut pandang dan memahami konteks sejarah dengan lebih mendalam. Seterusnya adalah daripada segi keterbukaan pemikiran pelajar dan masyarakat digalakkan untuk berfikir secara kritis dan terbuka terhadap sejarah. Ini membolehkan mereka memahami bahawa sejarah boleh ditafsirkan dengan pelbagai cara dan setiap peristiwa mempunyai perspektif yang berbeza. Lebih-lebih lagi, nilai patriotisme iaitu nilai cinta negara perlu diterapkan dalam penceritaan sejarah. Ini membantu pelajar memahami pentingnya menjaga keharmonian dan kestabilan negara, serta menghargai perjuangan generasi terdahulu dalam mencapai kemerdekaan. Yang paling penting seterusnya adalah keadilan setiap peristiwa bersejarah perlu dinilai secara adil tanpa mengabaikan mana-mana pihak. Ini bermakna, walaupun sumbangan komunis diakui dalam perjuangan tertentu, aspek keganasan yang dilakukan juga perlu dijelaskan dengan jelas. Seterusnya dialog dan perbincangan terbuka antara pakar Sejarah, pendidik, dan pihak berkepentingan lain amat penting dalam menyusun kurikulum. Langkah ini memastikan pandangan pelbagai pihak dipertimbangkan, bagi mencapai penyelesaian yang lebih menyeluruh dan seimbang. Dengan menerapkan nilai-nilai ini, penggubalan kurikulum Sejarah dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan objektif, sekaligus mengurangkan polemik mengenai kandungan komunis dalam buku teks Sejarah.

Seterusnya isu berkaitan dengan persoalan “Kabinet manakah yang meluluskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah yang disebut oleh Kementerian Pendidikan dalam kenyataan media mereka?” Tarikh 24 April 2018¹⁶ yang dinyatakan oleh KPM sebagai tarikh DSKP diperakui sah adalah selepas tarikh pembubaran Parlimen pada 7 April 2018.” Persoalan ini dijawab oleh Mantan Pengerusi Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Kementerian Pendidikan, Ramlah Adam, menjelaskan proses pembikinan Buku Teks Sejarah. Menurut Ramlah Adam, proses penulisan buku teks hanya bermula setelah DSKP diluluskan, yang bermaksud penulisan dan percetakan berlaku selepas 24 April 2018. Beliau juga bertanya, “Kerajaan manakah yang memerintah dari bulan Mei 2018 sehingga buku Sejarah ini dicetak sebagai cetakan pertama pada tahun 2019?”¹⁷ Persoalan ini dibangkitkan untuk memberi tindak balas terhadap isu yang ditimbulkan. Timbalan Pengerusi Sekretariat, Yazid Osman, menyatakan bahawa terdapat campur tangan pimpinan politik dalam menentukan sukatan mata pelajaran Sejarah. Namun, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, menafikan dakwaan tersebut dan menegaskan bahawa tiada perancangan untuk mengubah kandungan mata pelajaran Sejarah sekolah rendah dan menengah, seperti yang dinyatakan oleh NGO Cina.¹⁸ Beliau menegaskan bahawa dakwaan ini pernah dibahaskan dalam Dewan Rakyat pada tahun 2015, penelitian yang dijalankan oleh Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah Dan Buku Teks Sejarah ini secara keseluruhannya kandungan buku teks Sejarah sedia ada mencerminkan dan menterjemahkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum Sejarah tanah air sejak sebelum dan selepas kemerdekaan. Jelaslah bahawa, bermula dengan kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), penulisan buku teks Sejarah sekolah rendah dan menengah disusun berasaskan kehendak kurikulum berdasarkan rentetan kronologi, masa dan peristiwa¹⁹.

Selanjutnya, semakan semula Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula pada tahun 2017, di mana KPM menambah baik kurikulum sedia ada untuk semua mata pelajaran. Jawatankuasa Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah Dan Buku Teks dibentuk pada tahun 2017, sebelum pelantikan Menteri Pendidikan yang berkuat kuasa pada 2 Julai 2018. Hal ini merujuk Buku Teks KSSR Sejarah (semakan 2017) untuk Tahun 4 hingga Tahun 6, serta KSSM Sejarah untuk Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, disemak oleh panel pakar. Buku Teks Sejarah KSSR Tahun 4 hingga Tahun 6 dan KSSM Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 juga selesai disemak dari segi pengesahan fakta pada tahun 2018, sementara buku teks KSSR (semakan 2017) Tahun 4 dan KSSM Tingkatan 4 masih dalam proses penerbitan.²⁰

Keseluruhan penjelasan ini menunjukkan bahawa campur tangan dalam penggubalan dan semakan kurikulum Sejarah adalah terbatas, apatah lagi melantik pasukan DAP atau NGO Cina untuk memasukkan input berkaitan Sejarah DAP.²¹ Hal ini menurut mesyuarat kedua di Parlimen menyatakan bahawa panel pakar rujuk terdiri daripada tokoh akademik pelbagai kepakaran dalam bidang ilmu Sejarah sama ada di dalam mahupun luar negara. Panel ini membuat penetapan organisasi berasaskan pemilihan tema-tema tertentu iaitu peristiwa yang dipelajari dan dikaji secara kronologi yang mengikut garis masa peristiwa yang berkaitan mengikut era, bukti dan juga jangka masa yang tepat tentang Sejarah negara.²²

Persoalan mengenai isu teknikal berkaitan dengan perundangan pula diulas oleh pensyarah kanan Jabatan Pengajian Kemasyarakatan Dan Kewarganegaraan iaitu Dr. Nizamuddin Alias selaku mantan peguam. Apabila menyatakan tentang konsep kerajaan sementara ataupun "*caretaker government*," sistem pemerintahan di Malaysia yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen perlu difahami. *Caretaker government* bermaksud kerajaan yang memerintah sesebuah negara dalam tempoh pilihan raya yang biasanya bermula dari pembubaran parlimen hingga penubuhan kerajaan baru. Hal ini merujuk kepada dokumen rujukan utama ialah Perlembagaan Persekutuan tetapi *caretaker government* tidak disebut secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Konsep *caretaker government* berlaku dalam tiga keadaan. Keadaan pertama ialah apabila parlimen dibubarkan sehingga pilihan raya umum (PRU) dibuat dan kerajaan baru dilantik. Sebelum kerajaan baru dilantik, kerajaan sedia ada masih boleh berfungsi. Keadaan kedua ialah apabila PRU dibuat tetapi tiada ada parti yang mendapat majoriti. Sementara kerajaan baru dibentuk, parti-parti yang terlibat perlu masa yang lebih lama untuk berbincang sesama mereka.

Seterusnya, keadaan ketiga ialah apabila kerajaan yang memerintah menghadapi usul undi tidak percaya dalam Dewan Rakyat atau Parlimen. Jika kerajaan yang memerintah kalah dalam undian usul tidak percaya, maka sementara menunggu kerajaan baru di bentuk, kerajaan sedia ada bertindak sebagai *caretaker government*. Tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengatakan *caretaker government* ialah amalan demokrasi berparlimen, namun fasal yang memperkatakan perkara yang menghampiri konsep *caretaker government* ini adalah dalam Perkara 55,²³ memanggil, memprolog dan membubarkan Parlimen seperti berikut: 55.(4) *Apabila Parlimen bubar, suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh ia bubar dan Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh itu.*²⁴

Merujuk Perkara 55.(4) dalam perlembagaan adalah yang paling hampir dengan konsep *caretaker government* yang dianggap sebagai kerajaan sementara yang berfungsi mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Terdapat beberapa perkara yang mesti dielakkan oleh *caretaker government* yang berfungsi sebagai kerajaan sementara. Garis panduan berkenaan menggariskan empat perkara besar yang perlu dielakkan kerana kerajaan sementara tidak boleh membuat polisi dan dasar kerajaan yang baru yang boleh mengikat

kerajaan yang akan ditubuhkan selepas pilihan raya, dan tidak boleh membuat lantikan jawatan penting. Ringkasnya, fungsi *caretaker government* hanya untuk melaksanakan urusan rutin atau biasa sebagai kerajaan yang memerintah. Dalam konteks isu yang diperdebatkan, kerajaan dibubarkan pada 7 April 2018 dan DSKP diluluskan pada 24 April 2018 di bawah Menteri Pendidikan ketika itu, YB Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid (2015 hingga 2018). Walaupun parlimen bubar mengikut undang-undang, dan kabinet tidak wujud tetapi *caretaker government* yang sedia ada masih lagi berfungsi sehingga kerajaan baru dibentuk. Persoalan timbul apabila kerajaan bubar dan kabinet tidak wujud tetapi menteri masih mempunyai kuasa dan menjalankan tugas seperti biasa. Menteri Pendidikan juga boleh melantik dan menurunkan kuasanya kepada pakar yang dilantik.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kandungan buku teks Sejarah Tingkatan 4 menjadi tumpuan kritikan pelbagai pihak, termasuk kumpulan bukan kerajaan (NGO). Wakil NGO, Fatini Yaacob, daripada Yayasan Kasih Tauhid dalam gabungan Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA), mendakwa bahawa fakta dalam buku teks tersebut dimanipulasi dengan memasukkan kumpulan komunis sebagai pejuang kemerdekaan. Mereka menyatakan bahawa tokoh-tokoh nasionalis Melayu dari gerakan kiri digambarkan sebagai radikal, dan sumbangan mereka dalam perjuangan kemerdekaan turut diiktiraf. Antara isu utama yang diketengahkan dalam laporan tersebut adalah bahawa kandungan buku teks Sejarah ini berpotensi memberi kesan negatif kepada pelajar berkaitan sejarah negara. Mereka mendakwa bahawa fakta dalam bab dua buku teks yang menerangkan tentang gerakan nasionalis global²⁵ turut memperincikan gerakan nasionalis sayap kiri yang prokomunis sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Menurutnya, dalam naratif sejarah politik Tanah Melayu, khususnya antara tahun 1945 hingga 1948, terdapat banyak perkara yang diketepikan dan disembunyikan. Beliau menegaskan bahawa pejuang kemerdekaan yang sebenar adalah orang beragama dan persatuan Melayu dari seluruh Tanah Melayu yang disatukan oleh UMNO, namun peranan mereka tidak diberi pendedahan yang sewajarnya dalam buku teks tersebut.²⁶

Selain itu juga, beliau menyatakan kebimbangannya bahawa kenyataan yang terkandung dalam buku teks berkenaan secara halus memberikan persepsi kepada pelajar bahawa komunis turut memainkan peranan dalam memperjuangkan kemerdekaan. Hal ini dikhuatiri mengurangkan tumpuan terhadap perjuangan orang Melayu dan seterusnya merendahkan semangat patriotisme serta rasa cinta terhadap negara dalam kalangan pelajar. Sehubungan itu, beliau menggesa agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menilai semula kandungan buku teks tersebut dan membuat penambahbaikan. Menurutnya, aspek subversif atau elemen penerapan ideologi yang bercanggah dengan semangat patriotisme perlu dikekang dan dielakkan. Penulisan buku teks harus berpegang teguh kepada disiplin Sejarah, iaitu kejujuran terhadap fakta-fakta sejarah. Sementara itu, pandangan serupa turut disuarakan oleh Ketua Pemuda UMNO, Dr. Asyraf Wajdi Dusuki. Beliau menyatakan bahawa pemimpin daripada pihak komunis terlalu diangkat sebagai tokoh kemerdekaan dalam buku teks tersebut. Beliau juga menyatakan bahawa pemimpin daripada parti berhaluan kiri diberi pengiktirafan dalam usaha mencapai kemerdekaan negara. Sebagai contoh, dua muka surat dalam buku teks itu memperincikan peranan yang dimainkan oleh gerakan nasionalis Melayu radikal dalam perjuangan menuntut kemerdekaan serta peranan Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (MPAJA) dalam menentang penjajahan Jepun.

Daripada perspektif yang berbeza, Prof. Madya Helen Ting Mu Hung daripada Institusi Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia pula berpandangan bahawa dakwaan tersebut hanyalah interpretasi peribadi. Beliau seterusnya turut menyanggah dakwaan bahawa kandungan muka surat 75 buku teks Sejarah itu seolah-olah memfitnah orang Melayu sebagai barua Jepun untuk mentang komunis dan MPAJA. Kandungan muka surat 75 hanya sekadar menerangkan fakta sejarah bahawa "tentera Jepun

menggunakan pasukan tentera atau polis yang dianggotai oleh orang Melayu untuk menentang MPAJA” namun menjadi punca ketegangan kaum. Kenyataan Prof. Madya Helen Ting Mu Hung adalah seperti berikut:

Saya memang tidak nampak di mana dalam buku teks tersebut ada mengagungkan komunis sebagai pejuang kemerdekaan. Bahkan pada bab enam mengenai darurat, pengarang menerangkan tentang ‘ancaman komunis’ dan kesan buruk yang terjadi dalam tempoh darurat.²⁷

Pandangan ini menunjukkan bahawa tiada kesilapan fakta dalam buku teks Sejarah Tingkatan 4.

Seterusnya, isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan sukatan pelajaran KSSM menyebabkan salah faham dan kekeliruan generasi akan datang kerana penulisan dan kandungan buku teks Sejarah tingkatan 4 tidak mempunyai naratif²⁸ dan fakta yang jelas serta dikatakan menghilangkan semangat patriotisme.²⁹ Pengkaji Sejarah, Ramlah Adam sebagai seorang yang berpengalaman dalam menulis sukatan pelajaran Sejarah Malaysia menyatakan selepas meneliti kandungan buku teks Sejarah mendapati beberapa bab yang boleh menjejaskan sejarah negara jika tidak diperbetulkan. Antaranya ialah bab Ancaman Komunis dan Pengisytiharan Darurat, perihal Parti Komunis Malaya (PKM) dan gerakannya mengangkat senjata menentang British, raja-raja Melayu dan rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang diceritakan secara terperinci mengatasi kepentingan pihak berkuasa terhadap pembangkang PKM. Dalam bab ini, beliau menjelaskan bahawa penulis menjadikan senarai serangan PKM pada muka surat 151 sebagai sasaran penting.³⁰ Antara persoalan yang dikemukakan oleh Ramlah Adam berkaitan dengan isu ancaman komunis dan darurat ialah bagaimana kuasa PKM digambarkan dalam menumpaskan pasukan keselamatan negara? Bukankah ini menunjukkan kelemahan Pasukan Keselamatan Persekutuan Tanah Melayu dalam menangani PKM?.

Isu ini juga turut diulas oleh Dr. Anuar Ahmad, Pensyarah Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).³¹ Beliau menyatakan bahawa tidak semua pejuang Melayu berhaluan kiri dan radikal itu komunis seperti Aisyah Ghani yang asalnya seorang pejuang wanita dalam Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang berhaluan kiri yang kemudiannya menyertai UMNO yang berhaluan kanan. Ibrahim Yaakub juga seorang pemimpin KMM yang berhaluan kiri tetapi tidak menyokong ideologi komunisme. Pak Sako dan Ahmad Boestaman juga tidak bersetuju dengan ideologi komunisme. Tidak dinafikan memang ada segelintir orang Melayu berhaluan kiri yang lebih radikal (*far-left*) yang menyokong ideologi komunisme seperti Abdullah CD, Shamsiah Fakeh, Muda Ahmad dan Rashid Maidin.

Sejarah penubuhan Parti Kesatuan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945 menunjukkan wujudnya pertentangan idea antara kumpulan yang berideologi komunis dengan kumpulan yang berfahaman kebangsaan dalam PKMM. PKMM merupakan sebuah pakatan perjuangan politik golongan berhaluan kiri dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Jika kita mampu memahami sejarah golongan haluan kiri dan haluan kanan, kita akan memahami isu polemik buku teks Sejarah Tingkatan 4 ini secara lebih objektif. Hasil rumusan beliau menyatakan bahawa tajuk Bab 6 ditulis sebagai “Ancaman Komunis” yang bermakna murid diajar untuk membenci ideologi komunisme serta diingatkan bahawa komunis ialah musuh negara. Daripada keseluruhan 270 muka surat buku teks Sejarah tersebut, hanya empat muka surat sahaja yang membicarakan perjuangan Melayu berhaluan kiri menentang penjajahan Inggeris dan baki 266 muka surat lagi mengisahkan tentang usaha pejuang Melayu berhaluan kanan. Menurut beliau, istilah golongan berhaluan kanan dan golongan berhaluan kiri bukan bermaksud satu pihak baik dan satu pihak lagi jahat. Konsep

politik berhaluan kanan dan berhaluan kiri mula digunakan pada abad ke-18 di Perancis sebagai konsep *common denominator* yang digunakan untuk membezakan kumpulan yang menyokong rejim lama dengan kumpulan yang menyokong rejim baru. Di Tanah Melayu, kumpulan yang boleh bekerjasama dan berunding dengan penjajah British dikenal sebagai berhaluan kanan. Kumpulan yang tidak bersetuju dengan kumpulan berhaluan kanan pula dikenal sebagai berhaluan kiri, bukan bermaksud kumpulan yang berhaluan kanan baik dan kumpulan yang berhaluan kiri jahat. Kumpulan yang jahat ialah pengganas komunis dan sesiapa yang menyokong gerakan komunis tanpa mengira sama ada mereka daripada kumpulan berhaluan kanan atau kiri.

Kritikan dan gesaan ini mencerminkan keprihatinan terhadap cara sejarah negara disampaikan kepada pelajar. Isu-isu yang dibangkitkan menunjukkan kepentingan memastikan kandungan buku teks Sejarah disusun dengan teliti agar tidak menjejaskan persepsi pelajar tentang sejarah perjuangan kemerdekaan. Oleh itu, usaha menilai semula dan memperbaiki kandungan buku teks Sejarah perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib agar fakta sejarah disampaikan dengan adil dan seimbang, sekali gus memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda

Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Sejarah

Perkembangan sukatan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) dan kepentingannya menunjukkan usaha kerajaan Malaysia untuk memperbaharui sistem pendidikan negara agar lebih sesuai dengan keperluan semasa dan setanding dengan piawaian antarabangsa. Antaranya peralihan dari KBSM ke KSSM yang dilaksanakan sejak tahun 1989. Perubahan ini dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 dan tidak berlaku serta-merta. Dalam tempoh lebih daripada tiga dekad, wujud keperluan untuk menyusun semula pendekatan pengajaran dan pembelajaran agar lebih sesuai dengan perubahan dasar-dasar pendidikan serta keperluan semasa negara. Keduanya ialah relevansi dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu KSSM dirangka selaras dengan PPPM 2013-2025, iaitu pelan strategik bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Selanjutnya berkaitan dengan enam tunjang kerangka KSSM yang merupakan enam tunjang kerangka KSSM yang merangkumi komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemahiran berfikir, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, serta literasi sains dan teknologi disepadukan dalam pengajaran Sejarah melalui DSKP. Ini memastikan pendidikan Sejarah tidak terasing daripada pembangunan pelajar secara holistik. Sebagai contoh, aspek kemanusiaan dalam Kerangka KSSM membantu pelajar memahami Sejarah dari perspektif yang lebih luas, termasuk isu-isu sosial dan kemasyarakatan, yang relevan dalam memahami peristiwa-peristiwa Sejarah. Ini menjadikan pelajar lebih empati dan peka terhadap isu-isu kemanusiaan.

Salah satu matlamat utama PPPM adalah memastikan sistem pendidikan Malaysia mencapai piawaian antarabangsa. Melalui KSSM, kurikulum sekolah menengah diubah suai untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kemahiran komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan literasi digital. Selain itu, kepentingan pelaksanaan KSSM dengan peningkatan kualiti pendidikan dengan pelaksanaan KSSM diharapkan dapat meningkatkan kualiti pendidikan sekolah menengah di Malaysia agar setanding dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan pemupukan Kemahiran Abad ke-21 diterapkan dalam KSSM dengan menekankan aspek kemahiran abad ke-21 yang penting untuk pelajar menghadapi cabaran masa depan, seperti kemahiran berfikir kritis, penyelesaian masalah, dan adaptasi terhadap perubahan teknologi. Walau bagaimanapun, penilaian yang lebih holistik melalui DSKP, penilaian tidak hanya tertumpu pada peperiksaan tetapi juga mengambil kira perkembangan pelajar secara

menyeluruh. Ini membantu guru untuk mengesan kemajuan pembelajaran dan memberikan intervensi yang lebih efektif. Hal ini menyebabkan penyeragaman dan keselarasan dengan adanya standard yang jelas, usaha untuk menyeragamkan tahap pencapaian pelajar di seluruh negara dapat dijalankan, sekaligus mengurangkan jurang pencapaian antara pelajar di bandar dan luar bandar. Secara keseluruhannya, KSSM bukan sahaja mencerminkan perubahan dalam pendekatan pendidikan, tetapi juga menyokong matlamat negara untuk menyediakan sistem pendidikan yang lebih dinamik, relevan, dan selaras dengan keperluan global.

Selain itu, dengan tindakan susulan oleh guru apabila tahap penguasaan pelajar dapat dikenal pasti dengan jelas, guru dapat mengambil langkah-langkah susulan yang bersesuaian, seperti memberikan bimbingan tambahan, aktiviti pengukuhan, atau pendekatan pengajaran yang lebih sesuai. Ini memastikan setiap pelajar, tidak kira tahap kemampuan mereka, dapat mengikuti dan memahami kandungan Sejarah dengan lebih baik, sekaligus membantu meningkatkan prestasi keseluruhan pelajar dalam mata pelajaran ini. Hakikatnya dengan penguasaan sejarah yang lebih mendalam dengan adanya standard pentaksiran, pelajar didorong untuk mencapai tahap penguasaan tertentu, bukan sekadar menghafal fakta tetapi memahami peristiwa bersejarah dengan lebih mendalam. Ini penting dalam pendidikan Sejarah kerana ia melibatkan analisis peristiwa masa lalu, pemahaman sebab-akibat, serta refleksi terhadap kepentingan peristiwa tersebut kepada masyarakat dan negara.

Begitu juga kepentingan yang menyokong Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan standard pentaksiran membantu guru dalam merangka soalan dan aktiviti yang menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Sejarah, seperti analisis, sintesis, dan penilaian.³² Ini membantu pelajar mengembangkan kemampuan untuk berfikir secara kritis mengenai peristiwa bersejarah, menghubungkan fakta dengan konteks yang lebih luas, dan memahami implikasi sejarah terhadap masa kini dan masa hadapan. Selain itu, memastikan Keseragaman dan Kualiti Pembelajaran iaitu standard pentaksiran yang jelas memastikan keseragaman tahap pencapaian di seluruh negara. Pelajar di bandar dan luar bandar dinilai berdasarkan kriteria yang sama, yang membantu mengekalkan standard pendidikan yang setara. Ini memastikan semua pelajar menerima pendidikan Sejarah yang berkualiti, tanpa mengira lokasi atau latar belakang sekolah mereka. Secara keseluruhannya, memasukkan standard pentaksiran ke dalam kurikulum Sejarah membantu meningkatkan kualiti pembelajaran, memastikan pemahaman yang lebih mendalam, dan menyokong pencapaian pelajar secara menyeluruh. Ia menjadikan proses pembelajaran Sejarah lebih dinamik dan berfokus kepada perkembangan individu pelajar.

Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (KSKP).

Penerapan DSKP menjadikan proses pengajaran lebih sistematik dan berfokus kepada pembelajaran berasaskan hasil (*outcome-based education*). Kesannya, berkaitan dengan Kurikulum Berasaskan Standard (*Standard-based Curriculum*) iaitu KSSM menggunakan pendekatan kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan di peringkat antarabangsa. Proses pengajaran dan pembelajaran disusun supaya setiap pelajar mencapai standard yang telah ditetapkan. Pendekatan ini berbeza dengan KBSM yang lebih berorientasikan kandungan (*content-oriented*), di mana penekanan lebih diberikan kepada silibus atau sukatan pelajaran tanpa standard penguasaan yang jelas.

DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran) yang menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM mempunyai kaitan yang rapat dan kepentingan yang besar dalam pendidikan Sejarah. Beberapa sebab dan kepentingannya adalah yang pertama ialah integrasi pengetahuan, kemahiran, dan nilai merujuk kepada DSKP yang dihasilkan menggabungkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam pengajaran Sejarah, menjadikan proses pembelajaran lebih menyeluruh. Dalam konteks Sejarah, pelajar bukan sahaja mempelajari

fakta sejarah tetapi juga memahami kepentingan peristiwa tersebut, memupuk nilai-nilai patriotisme, menghargai warisan budaya, dan mengambil iktibar daripada sejarah untuk kehidupan masa kini. Ini membantu membentuk pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan tentang sejarah, tetapi juga mempunyai sikap dan nilai yang positif terhadap negara dan masyarakat.

Selain itu, pengenalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) diperkenalkan sebagai panduan utama dalam pelaksanaan KSSM. Ia mengandungi tiga komponen penting, iaitu Standard Kandungan, yang merangkumi apa yang perlu dipelajari oleh pelajar dalam sesuatu mata pelajaran, Standard Pembelajaran, yang menyatakan tahap penguasaan yang perlu dicapai oleh pelajar bagi setiap kandungan, dan Standard Prestasi, yang menyediakan kriteria penilaian untuk menilai pencapaian pelajar dalam penguasaan kandungan dan pembelajaran.³³ Huraian terperinci seperti jadual di bawah :

Jadual 1, DSKP Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 4

Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Standard Prestasi (SPI)
Penyataan khusus tentang perkara yang patut diketahui murid dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu dipamerkan oleh murid sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasainya.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, "Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah," Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur.

Jadual 1 menunjukkan kepentingan memasukkan standard pentaksiran ke dalam dokumen kurikulum, khususnya dalam pendidikan Sejarah, adalah sangat signifikan dalam memastikan penguasaan dan pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Antara kepentingannya adalah berkaitan dengan Penilaian Berterusan untuk Mengenal Pasti Penguasaan dengan standard pentaksiran membolehkan penilaian berterusan dilakukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Ini memudahkan guru untuk menilai tahap penguasaan pelajar terhadap konsep, fakta, dan peristiwa penting dalam Sejarah. Melalui penilaian ini, guru dapat mengesan kelemahan atau kekuatan pelajar dalam memahami sesuatu topik dan menyediakan panduan yang lebih tepat untuk memperbaiki pencapaian mereka.

Selain itu, penerapan Kemahiran Abad Ke-21 iaitu DSKP mengintegrasikan Kemahiran Abad Ke-21, yang penting dalam membekalkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan. Dalam pendidikan Sejarah, ini termasuklah kemahiran komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan literasi digital. Contohnya, pelajar mungkin diminta untuk bekerja dalam kumpulan bagi mengkaji dan membentangkan sesuatu peristiwa Sejarah atau menggunakan sumber digital untuk mencari maklumat tentang sejarah tempatan. Ini menjadikan pembelajaran Sejarah lebih menarik dan relevan dengan dunia semasa. Yang ketiga ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Sejarah yang memerlukan pelajar untuk berfikir secara kritis dan analitis. Penerapan KBAT dalam DSKP membantu pelajar mengembangkan kemampuan ini melalui aktiviti seperti menganalisis sebab dan akibat peristiwa bersejarah, membuat perbandingan antara peristiwa yang berlaku di pelbagai tempat atau masa, serta menilai kesan peristiwa bersejarah terhadap masyarakat. Dengan adanya KBAT, pelajar diajar untuk tidak hanya menghafal fakta sejarah, tetapi juga untuk memahami dan menghubungkan peristiwa-peristiwa tersebut dengan situasi masa kini. Ini membantu membina pemikiran yang lebih matang dan kritis dalam kalangan pelajar.

Justeru itu, dengan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Sejarah integrasi aspek-aspek ini dalam DSKP memastikan pengajaran Sejarah lebih berstruktur dan

berpandukan kepada hasil pembelajaran yang jelas. Ia memberikan guru panduan yang lebih jelas dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang berkesan. DSKP juga memastikan bahawa pelajar menerima pendidikan Sejarah yang berkualiti, sejajar dengan standard antarabangsa, yang mampu melahirkan generasi yang berwawasan dan berpengetahuan tentang sejarah negara dan dunia. Secara keseluruhan, DSKP yang menyepadukan tunjang Kerangka KSSM, Kemahiran Abad Ke-21, dan KBAT memperkaya pengalaman pembelajaran Sejarah. Ia menjadikan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi dunia yang sentiasa berubah, sambil memupuk kesedaran dan penghargaan yang mendalam terhadap Sejarah negara dan nilai-nilai kemanusiaan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan perhatian kepada kandungan kurikulum baharu Sejarah yang dibentuk dan mula diguna pakai semenjak tahun 2017 yang membawa satu perspektif pedagogi yang baharu dalam pendidikan dan juga pengajaran Sejarah. Hal ini kerana pembentangan fakta-fakta sejarah ia tidak lagi bergantung hanya kepada penghafalan nama-nama, angka-angka dan tarikh semata. Pelbagai unsur pedagogi yang terkini dimasukkan di dalam kurikulum baharu ini. Malahan pendekatan yang baharu ini boleh merubah cara pelajar dan guru untuk melihat kepada sejarah itu sendiri. Kurikulum Sejarah mementingkan fakta sejarah yang dianalisis secara ilmiah dan intelektual, fakta yang benar dan tepat, bukan terarah dari sudut mainan politik. DSKP menerangkan secara terperinci susunan standard kandungan yang tepat dan diperincikan kepada standard pembelajaran dan standard prestasi mengikut subtopik. Pecahan tahap penguasaan ini membuktikan bahawa KSSM digubal mengikut standard keperluan yang tepat berdasarkan tahap penguasaan murid. Namun demikian, sukatan mata pelajaran Sejarah Tingkatan 4 adalah bertepatan dengan kandungan kurikulum Sejarah yang disemak dan diperakui oleh pakar rujuk kurikulum Sejarah. Penerbitan kandungan buku teks KSSM Sejarah Tingkatan 4 juga adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM Sejarah Tingkatan 4 serta mengikut prosedur operasi standard penerbitan buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dikemas kini pada tahun 2018. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kurikulum berpusat merupakan langkah positif ke arah mencapai matlamat perpaduan dalam kalangan rakyat dan pembentukan identiti kebudayaan tersendiri rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya memainkan peranan sebagai ejen sosialisasi yang membentuk identiti kebudayaan tersendiri melalui proses integrasi mengikut prinsip-prinsip Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Negara.

NOTA

¹ Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Laporan kajian tentang isu kurang minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah di sekolah berprestasi rendah SPM 2002*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

² Mohamed, A. 1997. *Modul kursus perguruan lepas ijazah Sejarah*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar.

³ Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Laporan kajian tentang isu kurang minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah di sekolah berprestasi rendah SPM 2002*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

⁴ Mohamed, A. 1997. *Modul kursus perguruan lepas ijazah Sejarah*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar.

⁵ Jawatankuasa penubuhan Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara dan membuat ketetapan keanggotaan seperti berikut: YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim Yang Dipertua Dewan Negara (Penasihat); YB Senator Datuk Razali Bin Idris (Pengerusi); YB Senator Tuan Haji Idris Bin Haji Ahmad (Timbalan Pengerusi); YB Senator Dato' Wira Othman Bin Aziz; YB Senator Puan Asmak Binti Husin; YB Senator Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu; YB Senator Tuan Zaidi Bin Haji Suhaili; YB Senator Tuan Ismail Bin Yusop; YB Senator Puan Raj Munni Binti Sabu; YB Senator Datuk Theodore Douglas Lind; YB Senator Datuk Donald Peter Mojuntin.

⁶ Dewan Negara. 2020. Penyata khas jawatankuasa pemilih dewan negara menurut peraturan mesyuarat 71 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2020-12-21/DN.2.2020%20-%20DN%20.2020.pdf>

⁷ *Sinar Harian*. 2021. Isu buku teks Sejarah Kaukus Dewan Negara panggil beberapa pihak. March 11. <https://www.sinarharian.com.my/article/127920/berita/nasional/isu-buku-teks-Sejarah-kaukus-dewan-negara-panggil-beberapa-pihak>

⁸ *Free Malaysia Today*. 2021. Isu buku teks Sejarah Dewan Negara akan panggil KPM dan Ketua Pemuda UMNO. March 11. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/03/11/isu-buku-teks-Sejarah-dewan-negara-akan-panggil-kpm-ketua-pemuda-umno/>

⁹ Ibid.

¹⁰ Bernama. 2021. Isu buku teks Sejarah: Kaukus Dewan Negara panggil beberapa pihak. *Sinar Harian*, March 11. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=154628>

¹¹ Ibid.

¹² Dewan Rakyat. 2018. Parlimen Keempat Belas “*Jawapan-jawapan lisan bagi pertanyaan-pertanyaan*”, Penggal Pertama, Mesyuarat Kedua, Isnin, 3 Disember. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JWP%20DR%20031218.pdf>

¹³ Saluran IQ. 2021. *Polemik isu komunis dalam buku teks Sejarah* [Live session] Facebook, March 6.

https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=835246193731898

¹⁴ Halim, M. F. 2021. Pakar bidas ahli politik kaitkan buku teks sekolah dengan alat propaganda. *Malaysiakini*, February 26. <https://www.malaysiakini.com/news/564462>

¹⁵ Dr. Sahul Hamid Mohamed Maiddin, ahli jawatankuasa yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyemak kandungan buku teks Sejarah, 2021. Beliau juga panel pembaca luar Dewan Bahasa dan Pustaka bagi buku teks Sejarah untuk sukatan pelajaran KSSM. Beliau terlibat sebagai panel penyemakan kurikulum dan buku teks Sejarah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

¹⁶ UMNO Bandar Tun Razak. 2021. Buku teks Sejarah dimanipulasi-Komunis pula diadungkan? [Live session]. Facebook, February 26. <https://fb.watch/g0HHw7WPYG/>

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Azil, F. 2018. Mustahil saya nak suruh ahli DAP ubah mata pelajaran Sejarah-Teo. *Astro Awani*, December 23. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mustahil-saya-nak-suruh-ahli-dap-ubah-mata-pelajaran-Sejarah-teo-194246>

¹⁹ Dewan Rakyat. 2015. “Ucapan-ucapan penangguhan; Kesilapan Isu dalam buku teks Sejarah Darjah lima, 28 Mei.

²⁰ *Sinar Harian*. 2019. Tiada pindaan topik subjek Sejarah. July 18. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=68501>

²¹ Azil, F. 2018. Mustahil saya nak suruh ahli DAP ubah mata pelajaran Sejarah-Teo. *Astro Awani*, December 23. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mustahil-saya-nak-suruh-ahli-dap-ubah-mata-pelajaran-Sejarah-teo-194246>

²² Dewan Rakyat. 2018. Parlimen Keempat Belas “Jawapan-jawapan lisan bagi pertanyaan-pertanyaan”, Penggal Pertama, Mesyuarat Kedua, Isnin, 3 Disember. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JWP%20DR%20DR%20031218.pdf>

²³ Lembaga Penyelidikan Undang-undang. 2010. *Undang-undang Am Malaysia (Jilid 1)*. Petaling Jaya: International Law Book Services.

²⁴ Ahmad, A. 2021. Bahagian mana buku teks Sejarah tingkatan empat sokong komunisme? *Malaysia Gazette*, February 21. <https://malaysiagazette.com/2021/02/26/bahagian-mana-buku-teks-Sejarah-tingkatan-4-sokong-komunisme/>

²⁵ Ibid.

²⁶ Saluran IQ. 2021. *Polemik isu komunis dalam buku teks Sejarah* [Livesession] Facebook, March 6.

https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=835246193731898

²⁷ Ibid.

²⁸ Yunus, M. Y. M. 2021. KPM digesa haramkan buku teks Sejarah tingkatan empat. *Sinar Harian*, February 24. <https://www.sinarharian.com.my/article/125490/berita/nasional/kpm-digesa-haramkan-buku-teks-Sejarah>

²⁹ Halim, M. F. 2021. Pakar bidas ahli politik kaitkan buku teks sekolah dengan alat propaganda. *Malaysiakini*, February 26. <https://www.malaysiakini.com/news/564462>

³⁰ Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tingkatan empat dan lima*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

³¹ Ibid.

³² Ibid.

³³ Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tingkatan empat dan lima*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, S.H. 2011. "Pencapaian akademik dan etnisiti: satu kajian bagi mata pelajaran sejarah di Malaysia." Dlm. *Pendidikan & Hubungan Etnik*, disunting oleh Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad, 271-306. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, A. 2021. Bahagian mana buku teks Sejarah tingkatan empat sokong komunisme? *Malaysia Gazette*, February 21. <https://malaysiagazette.com/2021/02/26/bahagian-mana-buku-teks-Sejarah-tingkatan-4-sokong-komunisme/>
- Ahmad, A.R. dan Ahmad, A. 2011. *Pendidikan & hubungan etnik*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azil, F. 2018. Mustahil saya nak suruh ahli DAP ubah mata pelajaran Sejarah-Teo. *Astro Awani*, December 23. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mustahil-saya-nak-suruh-ahli-dap-ubah-mata-pelajaran-Sejarah-teo-194246>
- Bernamea. 2021. Isu buku teks Sejarah: Kaukus Dewan Negara panggil beberapa pihak. *Sinar Harian*, March 11. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=154628>
- Bicara Santai PKP. 2021. *Polemik buku teks Sejarah: Alat pencerahan atau propaganda* [Video]. YouTube, March 5. <https://www.youtube.com/watch?v=R1BcAPgIKPU>
- Dewan Negara. 2020. *Penyata khas jawatankuasa pemilih dewan negara menurut peraturan mesyuarat 71 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara*. <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/20201221/DN.2.2020%20-%20DN%202.2020.pdf>
- Dewan Rakyat. 2018. Parlimen Keempat Belas "Jawapan-jawapan lisan bagi pertanyaan-pertanyaan," Penggal Pertama, Mesyuarat Kedua, Isnin, 3 Disember. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JWP%20DR%20031218.pdf>
- Halim, M. F. 2021. Pakar bidas ahli politik kaitkan buku teks sekolah dengan alat propaganda. *Malaysiakini*, February 26. <https://www.malaysiakini.com/news/564462>
- Husain, Z., Ayudin, A.R., & Ahmad, A.R. 2011. "Elemen hubungan antara kaum melalui buku teks Sejarah sekolah menengah atas di Malaysia." Dlm. *Pendidikan & Hubungan Etnik*, disunting oleh Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad, 235-244. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- IsmaWeb. 2012. NGO lapor polis dakwa buku teks Sejarah tingkatan empat di seleweng. Februari 2. <https://ismaweb.net/2021/02/22/ngo-lapor-polis-dakwa-buku-teks-Sejarah-tingkatan-4-diseleweng1/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia.(1987. *Kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Laporan jawatankuasa khas mengkaji kurikulum Sejarah dan buku teks Sejarah sekolah menengah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2015. *Memorandum kurikulum Sejarah sekolah menengah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(1991. *Laporan kajian kedudukan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1992. *Buku penerangan kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Laporan kajian tentang isu kurang minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah di sekolah berprestasi rendah SPM 2002*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tingkatan empat dan lima*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. 2010. *Undang-undang Am Malaysia (Jilid 1)*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Life News Agency. 2021. *Isu buku teks KSSM Sejarah tingkatan 4, Dr. Maszlee arahkan peguam hantar surat tuntutan kepada Dr. Asyraf*. February 26. <https://my.lifenewsagency.com/2021/02/26/isu-buku-teks-kssm-Sejarah-tingkatan-4-dr-maszlee-arahkan-peguam-hantar-surat-tuntutan-kepada-dr-asyraf/>
- Malik, M. 2019. *Kementerian Pendidikan Malaysia tolak fitnah mengenai pindaan kandungan subjek Sejarah* [Facebook page]. Facebook, 2 May. <https://www.facebook.com/DrMaszleeMalik/posts/kementerian-pendidikan-malaysia-tolak-fitnah-mengenai-pindaan-kandungan-subjek-s/2767735476631041/>
- Marsden, W. E. 2000. “‘Poisoned history’: A comparative study of nationalism, propaganda and the treatment of war and peace in the late nineteenth and early twentieth century school curriculum.” *History of Education*, 29(1), 29–47. <https://doi.org/10.1080/004676000284472>
- Mohamed, A. 1997. *Modul kursus perguruan lepas ijazah Sejarah*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar.
- Neo Melayu. 2021. *Buku teks Sejarah tingkatan 4 di manipulasi oleh jarum kiri dan komunis?* [Livesession]. Facebook, March 4. <https://www.facebook.com/laksamana2019/videos/819681262070857/>
- Saluran IQ. 2021. *Polemik isu komunis dalam buku teks Sejarah* [Live session] Facebook, March 6. https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=835246193731898
- Samsudin, M., & Shaharuddin, S. 2012. “Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah di Malaysia.” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2), 116–141.
- Sinar Harian. 2019. *Tiada pindaan topik subjek Sejarah*. July 18. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=68501>
- Sumber kini. 2012. *Pertikaian Kandungan buku teks Sejarah tingkatan empat*. February 25. <https://sumberkini.my/ada-apa-dengan-buku-teks-Sejarah-tin>
- UMNO Bandar Tun Razak. 2021. *Buku teks Sejarah dimanipulasi-Komunis pula diagungkan?* [Live session]. Facebook, February 26. <https://fb.watch/g0HHw7WPYG/>
- Yunus, M. Y. M. 2021. *KPM digesa haramkan buku teks Sejarah tingkatan empat*. *Sinar Harian*, February 24. <https://www.sinarharian.com.my/article/125490/berita/nasional/kpm-digesa-haramkan-buku-teks-Sejarah>

Published online: 31 October 2024